

NO SOALAN :45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG
(SEGAMBUT)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 25.10.2016

Y.B. TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik kehilangan pekerjaan susulan langkah pengurangan pekerja Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Milik Kerajaan menerusi Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan syarikat-syarikat bank bagi tahun ini mengikut nama syarikat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah kumpulan G20 terdapat lima buah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) telah memberhentikan atau tidak menyambung

kontrak pekerjaan yang melibatkan sejumlah 5,134 pekerja, seperti berikut:

- i. Malaysian Airline System Bhd (MAS) - 4,682 orang;
- ii. Kumpulan Affin - 146;
- iii. Boustead Holdings Bhd - 151;
- iv. Chemical Company of Malaysia Bhd - 153; dan
- v. Malaysia Airlines Bhd - 2.

Manakala, bagi Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), terdapat dua buah syarikat MKD yang mengurangkan kakitangannya seperti berikut:

- i. Petroliam Nasional Berhad - 1,000 orang; dan
- ii. Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) - 36 orang.

Pemberhentian pekerja ini adalah disebabkan oleh faktor termasuk penamatan operasi syarikat, penggabungan entiti dan proses penyesuaian persekitaran perniagaan pada sesuatu masa. Namun demikian, syarikat telah memastikan bahawa setiap pekerja yang terlibat ditawarkan pampasan kewangan yang adil dan berdasarkan hak masing-masing di bawah Perjanjian Kolektif sedia ada.